

23/09/2002

Demokrasi dan `Bajet Banyak Beri`

Mior Kamarul Shahid

SISTEM demokrasi mempunyai banyak kebaikan dan tidak kurang juga kekurangannya. Perkara ini sudah pun banyak dibincangkan, terutama berhubung soal politik. Hari ini kita tidak mahu berbincang soal politik. Kita mahu sentuh kaitan soal demokrasi dan bajet.

Bajet yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan, Jumaat lalu, banyak memberi penekanan kepada kepentingan dan kebajikan menerusi pelbagai bantuan dan kemudahan yang memberi kesan kepada kehidupan sosio-ekonomi rakyat. Ini termasuk bantuan kepada golongan miskin, rakyat berpendapatan rendah, bantuan pendidikan dan sebagainya.

Bajet yang tidak mengenakan cukai baru adalah bajet yang mementingkan hidup rakyat. Ia juga menunjukkan kerajaan tidak memerlukan tambahan wang yang dikutip daripada cukai. Wang dicari dari sektor lain yang tidak memberi kesan langsung atau menjejaskan pendapatan rakyat.

Peniaga juga tidak ada peluang untuk menaikkan harga kerana tidak ada cukai barang perlu, yang dinaikkan. Bajet kali ini bajet BBB atau "Bajet Banyak Beri". BBB adalah untuk rakyat. Malangnya, di Malaysia, bila sebut pasal rakyat secara spontan kita terus bertanya, rakyat yang mana? Adakah rakyat yang menyokong kerajaan atau mereka yang menyokong parti pembangkang?

Bagi kerajaan, takrif rakyat adalah setiap warga negara Malaysia, tidak kira sama ada mereka mengundi parti kerajaan atau sebaliknya, layak mendapat faedah daripada bajet yang dibentangkan. Begitu juga jika ada cukai dikenakan, semua rakyat terpaksa menanggungnya.

Kalau mereka menyokong kerajaan sekalipun, bila keadaan memaksa, mereka tidak diberi pengecualian. Oleh itu, bila bercakap soal demokrasi, rakyat tidak dapat lari daripada sama ada menikmati kemudahan atau mengharungi bersama masalah.

Tapi, disebabkan berbeza aliran, penyokong parti politik, terutama orang Melayu dalam Pas dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan), sering menganggap apa juga bantuan yang diberikan oleh kerajaan, bukan sebagai berita baik. Mereka akan melihatnya sebagai sogokan. Sikap pembangkang di negara ini agak pelik. Mereka bantah jika cukai dikenakan dan tetap membantah walaupun kerajaan merumuskan BBB.

Jika hendak membantah sekalipun, biarlah kena pada tempatnya. Tidak perlulah mengadakan bajet berasingan sedangkan ia hanyalah janji kosong.

Sikap pembangkang yang tidak rasional menimbulkan banyak masalah di negara ini. Semuanya berpunca daripada label bukan Islam yang diberikan kepada kerajaan oleh pemimpin Pas. Disebabkan apa juga perkara yang datangnya daripada kerajaan dianggap sebagai haram, maka penyokong parti pembangkang keberatan untuk menerimanya.

Bagi ahli parti pembangkang yang menerimanya, kita anggap mereka lebih bijak daripada pemimpin mereka. Sebagai rakyat, mereka berhak memperoleh apa juga rezeki yang disediakan oleh kerajaan. Kita yakin tidak ada kakitangan perkhidmatan awam yang akan menolak sebulan bonus yang diberikan kepada mereka walaupun tidak sealiran dengan ideologi kerajaan. Sekiranya selama ini mereka menerima gaji bulanan dan menganggapnya sebagai sah, tidak ada alasan untuk menolak bonus.

Dalam negara demokrasi, bajet bukan dirumus untuk rakyat yang menyokong kerajaan semata-mata tetapi kepada semua rakyat tanpa mengira warna kulit dan ideologi. Soal tidak menyokong kerajaan, soal lain. Logiknya, jika

menerima bantuan kerajaan, sepatutnya mereka tentulah tahu jasa kerajaan.

Seterusnya, mereka juga perlu tahu menilai atau setidak-tidaknya membandingkan apa yang pernah diberikan oleh parti mereka selama ini. Dalam setiap bajet kerajaan, ada saja bantuan baru diberikan. Bajet pembangkang bagaimana?

Kita tersentuh dengan ucapan Dr Mahathir sebelum mengakhiri ucapan bajetnya yang berbunyi: "Usah bertelagah, berpecah-belah, hasut-menghasut dan dengki-mendengki. Akibat sengketa sesama sendiri, bumi yang dipijak orang lain kuasai, kekayaan diusahakan tidak dikecapi dan maruah bangsa tercemar nanti. Adakah ini yang kita mahu? Adakah ini pusaka yang akan kita tinggalkan kepada anak bangsa? Tentu sekali tidak. Kita sedar tiada siapa yang akan mempertahankan kemerdekaan dan membangunkan negara kita, kalau bukan kita sendiri. Marilah kita bersatu hati bersama berbakti, semarakkan semangat, teguhkan tekad untuk membina negara yang makmur, bersatu dan berdaulat."

Disebabkan kata-kata ini diucapkan pada penghujung ucapannya, setelah menggariskan pelbagai bantuan yang diberikan, ia perlulah diberi penafsiran yang mendalam. Bajet yang baik ini tidak ada ertinya jika rakyat masih bercereramuk.

Bagi orang Melayu, jumlah mereka hanyalah kira-kira separuh daripada 22 juta penduduk negara ini. Jika 11 juta orang Melayu berpecah kepada dua atau tiga kelompok, berapa ramai lagi yang tinggal untuk menjamin Malaysia kekal sebagai sebuah negara yang berdaulat. Dengan kata lain, kemakmuran negara ini tidak bermakna jika rakyat terus berpecah-belah.

Dr Mahathir sebenarnya mengharapkan penyatuan rakyat. Seorang bapa tidak akan gembira walaupun berjaya mencipta kemajuan keluarga tetapi anak-anaknya sentiasa bertelagah sesama sendiri.

Oleh itu, usaha untuk menyatukan rakyat seharusnya bermula. Ia mungkin boleh dimulakan menerusi semangat Bajet 2003 dengan menggalakkan setiap rakyat menggunakan kemudahan yang disediakan.

Bagi pihak pentadbir, jika ada penyokong parti pembangkang yang membuat permohonan terhadap kemudahan yang disediakan, pemberian yang saksama perlulah diberikan, demi meningkatkan keyakinan mereka kepada ketulusan kerajaan.